

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 13 OGOS 2020 [KHAMIS]

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [SEGAMBUT] yang meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pengambilan suntikan vaksin imunisasi akan diwajibkan kepada kanak-kanak di seluruh negara dan apakah status peruntukan RM60 juta untuk pemberian suntikan vaksin "pneumococcal" yang dijadualkan bermula bulan Jun tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan tetap komited di dalam usaha untuk menurunkan morbiditi dan mortaliti akibat jangkitan bakteria pneumokokus ini di kalangan kanak-kanak. Kementerian Kesihatan sedang dalam proses menyediakan bekalan vaksin pneumokokal konjugat (*pneumococcal conjugate vaccine*, PCV) di semua Klinik Kesihatan. Proses perolehan secara tender terbuka vaksin tersebut telah tertangguh susulan kejadian pandemik COVID-19. Buat masa ini, proses perolehan secara tender adalah pada peringkat kelulusan oleh Kementerian Kewangan.

2. Pemberian suntikan vaksin pneumokokal di bawah Program Imunisasi Kebangsaan akan diberikan kepada kanak-kanak yang layak setelah bekalan vaksin tersebut tersedia di semua Klinik Kesihatan. Apabila Program Imunisasi Pneumokokal ini dimulakan kelak, ianya perlu diteruskan bagi mendapatkan kesan yang optimum dalam menurunkan morbiditi dan mortaliti akibat penyakit pneumokokal invasif. Bagi memastikan kesinambungan program ini, peruntukan yang mencukupi secara berterusan perlu dipastikan.

3. Buat masa ini, Kementerian Kesihatan sedang meningkatkan usaha untuk meningkatkan liputan imunisasi bagi vaksin-vaksin sedia ada dalam Jadual Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan. Kejadian pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan telah memberi kesan kepada penerimaan vaksin secara keseluruhan, dan ini meningkatkan risiko berlakunya wabak penyakit cegahan vaksin. Maka, anggota kesihatan sedang menjalankan usaha untuk mengesan kanak-kanak yang telah tercicir imunisasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan agar penjadualan semula suntikan vaksin dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.